

## PENDAFTARAN PENCERAIAN

1. Sekiranya berlaku perceraian kepada mana-mana pasangan di luar mahkamah atau mana-mana pasangan yang berkahwin berhasrat untuk bercerai , maka suami atau isteri hendaklah melaporkannya kepada Pejabat Agama Islam Daerah masing-masing.
2. Membuat klasifikasi sama ada perceraian telah berlaku atau belum.
3. Jika belum, jalankan sesi pra-kaunseling bagi memastikan bahawa pengadu benar-benar ingin bercerai atau tidak dan juga memastikan pengadu faham dengan akibat dari permohonan tersebut.
4. Sekiranya perceraian telah berlaku, buat laporan kepada mahkamah berkaitan lafaz tersebut.
5. Jika selepas sesi pra-kaunseling pengadu berhasrat juga bercerai, buat laporan berkenaan hasrat tersebut kepada mahkamah.
6. Sekiranya selepas sesi pra-kaunseling, pengadu tidak dapat buat keputusan atau memutuskan untuk tidak bercerai, kemukakan kes kepada Pegawai Kaunseling untuk sesi seterusnya.
7. Minta pengadu menfailkan kes ke Mahkamah bagi tujuan perbicaraan jika perceraian telah berlaku atau pengadu ingin meneruskan tuntutan perceraian.
8. Terima perintah kehakiman dari mahkamah.
9. Jika mahkamah mensabitkan perceraian atau memutuskan perceraian dilaksanakan , minta pengadu membeli Borang 14.
10. Lengkap Borang 14 dan kemuka kepada KPNCR.
11. Daftar perceraian dalam Buku Daftar Cerai bilamana Borang 14 telah ditandatangani oleh KPNCR.